

# Tunku Ismail dimasyhurkan sebagai Pro Canselor UTHM

BATU PAHAT: Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Sultan Ibrahim, kelmarin memasyhurkan anakanda baginda, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail sebagai Pro Canselor universiti berkenaan, berkuat-kuasa serta-merta.

Pengurnaman dibuat dalam titah sempena Majlis Konvokesyen Kesembilan UTHM, yang disandang bersama Pengerusi dan Pengasas Kumpulan Sapura, Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir.

Menurut baginda, pelantikan itu membolehkan anakandanya mempelajari selok-belok pengurusan dan pentadbiran universiti.

Terdahulu, Sultan Ibrahim berkenan menyampaikan

Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pendidikan Teknikal) kepada bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berikutan jasanya terhadap pembangunan pendidikan vokasional dan teknikal negara serta usahanya memperkasa modal insan negara.

Selain itu, baginda turut mencemar duli menyampaikan ijazah Doktor Falsafah (PhD), Sarjana dan Sarjana Muda kepada 242 mahasiswa UTHM yang menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang termasuk kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan pendidikan teknik serta vokasional.

Sultan Ibrahim bertitah, graduan perlu menyumbang ilmu dan kepakaran ma-

sing-masing untuk agama, bangsa dan negara di samping menjauhi anasir merosakkan kehidupan.

Pada masa sama, baginda bertitah, UTHM perlu mengembangkan penawaran bidang pengajian di universiti berkenaan selain meningkatkan usaha bagi menyumbang kemakmuran masyarakat.

Turut hadir isteri Tun Abdullah, Tun Jeanne Abdullah; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Tan Sri Jamilus Hussin dan Naib Canselor UTHM, Prof Dr Mohd Noh Dalimin.

KL

TAHNIAH...Sultan Ibrahim menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Tun Abdullah, kelmarin.

